

02 JUN 1998
New Zealand-Lawat
TPM NEW ZEALAND LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri New Zealand Winston Peters, yang juga Menteri Kewangan negara itu akan melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia dari 15 Jun dengan diiringi rombongan pemimpin perniagaan dan pegawai kanan kerajaan.

Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia, Sarah Dennis berkata hari ini, lawatan atas jemputan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu, membuktikan anggapan penting negara itu kepada hubungan dengan Malaysia, rakan perdagangan ke-10 terbesar baginya.

Selain bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar, Peters juga akan berucap pada seminar perniagaan Malaysia-New Zealand pada 16 Jun, dan menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Langit Terbuka antara kedua-dua negara.

Katanya seminar berkenaan akan membincangkan peluang pelaburan, perdagangan dan perniagaan antara Malaysia dan New Zealand.

Peters akan diiringi antara lain, bekas Perdana Menteri Mike Moore, Gobenor Bank Simpanan New Zealand, Dr Don Brash dan Pengerusi Lembaga Tenusu New Zealand, Sir Dryden Spring.

Lembaga Tenusu New Zealand merupakan satu daripada sumber pendapatan eksport terbesar negara itu dengan jualan melebihi NS\$6 bilion.

Dennis berkata Malaysia adalah negara pengimport terbesar susu tepung dari New Zealand.

Peters, berketurunan Maori, akan turut diiringi Sir Tipene O'Regan, seorang pemimpin masyarakat Maori.

Beliau juga akan melawat Pulau Pinang.

-- BERNAMA

AU NN NMO